

14 JUN 2001

Anwar-Penghakiman

TINDAKAN ANWAR MUSNAHKAN DIRI SENDIRI BAWA KEJATUHANNYA, KATA HAKIM

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Arifin Jaka yang menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana liwat pada Ogos tahun lalu berkata sungguh kasihan dan sedih bahawa bekas timbalan perdana menteri itu terbabit dalam tindakan yang memusnahkan diri yang menyebabkan kejatuhannya.

"Ia sungguh pedih bagi saya untuk menenakan hukuman penjara ke atas bekas timbalan perdana menteri negara tetapi saya tidak mempunyai pilihan.

"Saya gagal menjalankan tugas jika saya tidak menjatuhkan hukuman yang setimpal engan kesalahan," kata beliau dalam penghakiman setebal 206 muka yang dikeluarkan hari ini.

Arifin berkata beliau telah cuba sebaik mungkin untuk mengkaji keadaan yang memungkin rayuan yang memihak kepada Anwar, yang didapati bersalah meliwat bekas pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar.

Anwar, 53, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, didapati bersalah melakukan kesalahan itu di sebuah apartmen di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada suatu malam antara Januari dan Mac 1993.

Mereka masing-masing dijatuhkan hukuman penjara sembilan tahun dan enam tahun dengan empat sebatan. Bagaimanapun, Anwar terlepas daripada hukuman sebat kerana umurnya melebihi 50 tahun.

Sukma, seorang ahli perniagaan, yang menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan masa yang sama, dijatuhkan hukuman penjara enam tahun lagi tetapi hukuman diperintahkan berjalan serentak.

Sementara itu, Anwar diperintahkan menjalani hukuman itu selepas selesai menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah.

Perbicaraan kes liwat itu memakan masa selama 117 hari meliputi tempoh 14 bulan dengan mahkamah mendengar keterangan daripada 40 saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar.

Arifin berkata faktor-faktor yang menentang Anwar ialah dia telah melakukan kesalahan yang serius dan kesalahan yang "keji" dan "tidak dapat diterima" oleh masyarakat kita.

"Beliau seorang pegawai tertinggi sebagai orang nombor dua dalam pentadbiran kerajaan dan beliau tidak menunjukkan standard moral yang tinggi dengan melakukan liwat, kesalahan yang dituk bulat-bulat," kata hakim.

Beliau berkata Anwar tidak menunjukkan rasa menyesal sama sekali sebaliknya, menunjukkan kesombongan dan tidak menghormati mahkamah dan melemparkan dakwaan rasuah dan penyelewengan terhadap bekas rakan-rakannya dalam Kabinet dan sekutu politik, yang tidak relevan dengan isu yang didengar di mahkamah.

"Tujuannya membuat segala dakwaan ini terhadap mereka apabila beliau memberi keterangan dan mengulangi dakwaan itu iaah untuk mencemarkan imej semua mereka dari kaca mata masyarakat pada forum yang tidak wajar apabila mereka tidak mempunyai pelyuang untuk mempertahankan diri," kata Arifin.

Hakim berkata sebelum menjatuhkan hukuman ke atas Anwar dan Sukma, beliau membenarkan permintaan bekas timbalan perdana menteri itu untuk bersuara sendiri kepada mahkamah dalam mitigasinya yang akhirnya menjadi ucapan politik.

Arifin berkata Anwar mengambil peluang yang diberikan kepadanya untuk membuat rayuan sebagai platform bagi menyuarakan rasa tidak puas hati dengan Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau menyerang integriti Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau terus membaca dan menyerang sistem kehakiman. Beliau mengecam keputusan saya dan mendakwa ia tidak adil, mengaibkan dan tidak bersetuju dengan sistem kehakiman dan negara kita," kata hakim.

Arifin berkata beliau mendapati ucapan Anwar tidak tergolong dalam kategori yang boleh dikatakan sebagai rayuan.

"Saya mengingatkannya supaya menarik perhatian kepada isu-isu televan sahaja yang boleh dipertibangkan oleh mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman yang wajar berdasarkan keadaan kes. Beliau terus membaca teks," kata beliau.

Hakim berkata hanya bahagian yang relevan dalam teks yang berguna ialah sebahagian kecil yang Anwar baca pada akhir teks bahawa sepanjang 17 tahun berkhidmat dengan kerajaan, beliau setia kepada kerajaan dan perdana menteri dan kesetiaannya ialah berdasarkan prinsip.

Arifin berkata pembelaan Anwar gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

Hakim membuat 10 kesimpulan mengenai pembelaan Anwar yang antaranya  
+ alibi Anwar dan Sukma tidak mencakupi sepanjang tempoh antara Januari hingga Mac 1993 seperti disebutkan dalam pertuduhan. Alibi meliputi tempoh hanya dari 4 Feb hingga 31 Mac 31 1993 dan oleh itu tidak lengkap. Oleh itu, pembelaan alibigagal.

+ pembelaan bahawa kedua-dua tertuduh tidak pernah pergi ke Tivoli Villa pukul 7.45 malam antara January hingga Mar 1993 juga gagal berdasarkan keterangan Azizan yang diterima oleh hakim sebagai benar dan boleh dipercayai.

+ Pembelaan bersubahat untuk mereka-reka keterangan tidak disertakan dengan bukti-bukti kukuh oleh pembela, oleh itu pembelaan ini juga gagal.

+ Sukma tidak menimbulkan keraguan mengenai kes pendakwa berhubung dengan bersubahat. Ada bukti menunjukkan dia bersubahat dengan Anmwar melakukan liwat terhadap Azizan.

+ keterangan pembela yang dikemukakan bagi pihak kedua-dua tertuduh secara keseluruhan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwa.

+ pihak pendakwa telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah mengenai tuduhan teradap kedua-dua tertuduh.

-- BERNAMA

SBB JA AU FAZ